

04/11/1999

Doktor kerja sambilan dengan swasta

Kadir Dikoh; Kandau Sidi

PETALING JAYA, Khamis - Kerajaan sedia menimbang untuk membenarkan doktor di hospital kerajaan bekerja sambilan (lokum) dengan sektor swasta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa mencari jalan membantu pegawai perubatan di hospital kerajaan, kerana menghargai sumbangan mereka dan menyedari mereka tidak menerima gaji yang setimpal dengan tanggungjawab mereka.

"Saya tidak membuat janji, tetapi kita (kerajaan) akan mengkaji cadangan ini dengan berhati-hati," katanya ketika berucap pada jamuan makan malam Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di sini malam ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng; Menteri Pengakutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Presiden MMA, Dr P Krishnan.

Di majlis itu, Dr Mahathir dianugerahkan pingat emas oleh MMA kerana jasa dan sumbangannya kepada negara dan sektor perubatan.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Krishnan berkata MMA percaya jika kerajaan memberi kebenaran untuk bekerja sambilan, ia akan mengurangkan beban doktor dan membantu mengekalkan kakitangan kanan serta terlatih dalam sektor awam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji memorandum MMA itu dengan penuh simpati kerana menyedari "jika kita (kerajaan) tidak mampu memberi gaji yang mencukupi, ia adalah kerana kita tidak mampu berbuat demikian".

"Saya sendiri meninggalkan perkhidmatan kerajaan setelah bertugas selama kira-kira empat tahun kerana saya dapati gajinya tidak mencukupi... juga mereka (kerajaan ketika itu) tidak membenarkan doktor membabitkan diri dalam politik dan sebab itu juga 'bersara' untuk berpolitik," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sudah tiba masanya kerajaan membuat kajian mengenai kos rawatan hospital kerajaan yang semakin meningkat.

"Perkhidmatan perubatan percuma di Malaysia dimulakan pada zaman penjajah terutama untuk pegawai asing, tetapi kemudian diperluaskan kepada penduduk tempatan.

"Pada ketika itu, kosnya (operasi) adalah rendah dan murah (tetapi sekarang) jika kerajaan terus berbuat demikian, poketnya (kewangan kerajaan) akan jadi kosong.

"Tetapi orang ramai tidak melihat usaha kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan apabila ia merancang untuk menswastakan hospital kerajaan dulu, sehingga dijadikan isu politik," katanya.

Beliau juga menasihatkan doktor supaya mengekalkan profesionalisme mereka dan tidak dipengaruhi unsur tertentu kerana kadangkala doktor simpati terhadap seseorang.

"Bagaimanapun, saya gembira mendapati kebanyakan doktor di negara ini menjalankan tugas mereka dengan penuh profesionalisme," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa cuba sedaya upaya untuk memenuhi keperluan bukan saja pesakit, malah doktor.

Beliau juga berharap tabiat nyaman doktor seperti yang berlaku di Amerika Syarikat tidak harus dicontohi kerana ia hanya akan meningkatkan kos rawatan kerana doktor perlu mendapatkan perlindungan insurans yang kosnya tinggi.

"Saya diberitahu bahawa doktor di Amerika Syarikat tidak mahu merawat pesakit atau keluar untuk memberi rawatan dalam kes-kes kemalangan. Mereka takut disaman," katanya.

(END)